**SOALAN NO.: 96**

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA**
**PARLIMEN KETIGA BELAS**
**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

| | | |
|---|---|---|
| **PERTANYAAN** | **:** | **BERTULIS** |
| **DARIPADA** | **:** | **YB. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID** |
| **KAWASAN** | **:** | **KUALA KANGSAR** |

**SOALAN:**

**YB. DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status dan cadangan bagi mengiktiraf Hari Profesion Teknikal Negara dan insentif yang tertentu kepada Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan Profesional.

264

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Susulan daripada cadangan bagi mengiktiraf Hari Profesion Teknikal Negara dan pemberian insentif yang tertentu kepada Jurutera, Arkitek dan Juruukur Bahan Profesional, beberapa sesi perbincangan awal secara dalaman Kementerian telah diadakan bagi memperhalusi cadangan tersebut.

Hasil daripada perbincangan itu, Kementerian Kerja Raya telah menerima beberapa komen dan pandangan bagi tujuan penambahbaikan, terutamanya dalam konteks definisi kumpulan sasaran yang terdiri daripada profesion dalam bidang teknikal.

Lanjutan daripada itu, satu *mind lab* telah diadakan melibatkan agensi di bawah Kementerian Kerja Raya, Badan Profesional iaitu Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), Lembaga Arkitek Malaysia (LAM), Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) dan Malaysia Board of Technologist (MBOT), serta agensi-agensi luar seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Hasil daripada *mind lab* ini sedang diperhalusi dan dalam pertimbangan Kementerian ini sebelum tindakan selanjutnya diambil.

Sekian, terima kasih.